

Headline **Malaysia tawar tempat penyelidikan OIC**
Date **09. Oct 2008** Language **MALAY**
Media Title **Utusan Malaysia (Penang)** Page No **25**
Section **News** Article Size **459** cm2
Circulation **238082** Frequency **Daily**
Readership **833287** Color **Full Color**
AdValue



Malaysia tawar tempat penyelidikan OIC

BAKU (AZERBAIJAN) 8 Okt. - Malaysia menawarkan tempat di empat buah universiti penyelidikan kepada para penyelidik daripada kalangan anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) untuk menerokai inovasi baru.

Keempat-empat universiti tersebut ialah Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin mengemukakan tawaran tersebut pada Persidangan Keempat Menteri-Menteri Pengajian Tinggi Negara Islam dan Penyelidikan Saintifik di sini semalam.

Beliau berkata, Malaysia melihat kunci kemakmuran sesebuah negara adalah melalui usaha memperkasa pengetahuan rakyatnya.

Usaha tersebut, katanya, merangkumi inovasi-inovasi baru, pembangunan dan penyelidikan (R&D) serta percambahan pengetahuan, yang kesemuanya menjadi enjin pengukuhan ekonomi sesebuah negara.

Menurutnya, Malaysia yakin satu cara untuk negara OIC dan Islam maju ialah dengan membangunkan kapasitinya dalam R&D melalui kerjasama di kalangan anggotanya sendiri khususnya dalam menerokai inovasi baru.

"Dari segi tempat serta kepakaran,

Malaysia bersedia untuk menawarkannya melalui empat universiti penyelidikan kami," katanya ketika berucap membentangkan Laporan Ketua Delegasi pada persidangan tiga hari itu.

Persidangan itu dihadiri oleh perwakilan dari 57 negara OIC bertujuan membincangkan dan berkongsi pengalaman perkembangan sektor pendidikan tinggi serta penyelidikan saintifik di kalangan negara Islam.

Setiap negara yang mengambil bahagian diberi ruang untuk membentangkan laporan mengenai perkembangan sektor pendidikan tinggi dan juga penyelidikan saintifik di negara masing-masing.